TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN DAN

PROGRAM KEMAKMURAN PEKEBUN KECIL

RISDA NEGERI SARAWAK 2026

TARIKH / MASA:

14 MAC 2026 (SABTU)

5.30 PETANG

TEMPAT:

PERKARANGAN MASJID DARUL ISTIQAMAH,

KAMPUNG NIUP, KOTA SAMARAHAN, SARAWAK

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan disediakan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, Allah SWT masih mengizinkan kita berada dalam **sepuluh malam terakhir Ramadan**, iaitu malam-malam yang amat dirindui oleh setiap insan yang mendambakan keampunan dan kasih sayang-Nya. Inilah saat terbaik untuk kita memperkemaskan hubungan dengan Allah SWT, memperbanyakkan ibadah, bermuhasabah dan melipatgandakan amal kebajikan.

2. Firman Allah SWT dalam **Surah al-Qadr** mengingatkan kita bahawa "***Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan*"**. Justeru, Ramadan mengajar kita bukan hanya untuk meningkatkan ibadah, malah menyuburkan kasih sayang, menyantuni sesama insan dan mensyukuri nikmat keamanan serta kebersamaan.

3. Dalam semangat itulah, kita berhimpun hari ini di **Kampung Niup, Kota Samarahan**, sebuah kawasan yang majoriti penduduknya beragama Islam serta kaya dengan nilai persaudaraan, saling menghormati dan kehidupan bermasyarakat yang harmoni. Saya yakin, suasana inilah yang menjadi kekuatan masyarakat setempat dan antara resipi penting kepada keharmonian serta kesejahteraan negeri Sarawak yang kita cintai.

4. Justeru, **Majlis Santunan Kasih Ramadan dan Program Kemakmuran Pekebun Kecil RISDA Negeri Sarawak** hari ini bukan sekadar sebuah majlis, tetapi wadah kita mengeratkan ukhwah, menyemai nilai ihsan dan menzahirkan keprihatinan terhadap rakyat.

5. Mudah-mudahan segala usaha dan santunan yang dilaksanakan ini menjadi amal kebajikan yang diberkati Allah SWT, serta memberi makna besar dalam kehidupan masyarakat desa, khususnya golongan pekebun kecil. InsyaAllah.

KERAJAAN MADANI MEMPERKAYA PEMBANGUNAN DESA SELURUH NEGARA

Hadirin sekalian,

6. Dalam meneruskan kehidupan hari ini, kita sememangnya sering berdepan dengan pelbagai cabaran yang datang silih berganti. Pada masa yang sama, dunia kini turut berhadapan dengan konflik global yang sedikit sebanyak tempiasnya pasti dirasai oleh kita semua sebagai individu.

7. Menyedari hakikat tersebut, Kerajaan MADANI menerusi KKDW, bersama seluruh agensinya termasuk RISDA, akan terus kekal komited dalam memperjuangkan agenda pemerkasaan ekonomi masyarakat desa di seluruh negara, termasuk di Sarawak dan Sabah.

8. Oleh itu, tahun ini KKDW melalui Belanjawan 2026 menerima sebanyak **RM3.3 bilion** bagi pelaksanaan projek prasarana asas desa, dengan **RM2.5 bilion** daripadanya disalurkan khusus untuk membina dan membaik pulih jalan kampung serta jalan perhubungan desa.

9. Manakala itu, lebih **RM700 juta** diperuntuk bagi tujuan pembekalan air bersih dan elektrik di desa-desa di negeri Sarawak dan Sabah, yang memberi manfaat kepada lebih **3,000 buah rumah**. Selain itu, hampir **RM90 juta** lagi diperuntukkan bagi melaksanakan projek pembinaan jambatan serta pemasangan lampu jalan.

10. Sesungguhnya, pendekatan pembangunan proaktif yang digerakkan oleh KKDW melalui agenda **Aspirasi Desa MADANI** ini jelas mencerminkan iltizam, ikhtiar dan usaha berterusan kerajaan untuk memastikan warga desa di seluruh negara tidak terus berada dalam jurang besar arus pembangunan negara.

11. Kerajaan sentiasa berhasrat untuk membentuk sebuah negara yang progresif, dengan memastikan setiap rakyat menikmati manfaat dan nilai terbaik daripada setiap ringgit yang dibelanjakan.

12. Bagi saya, pembangunan desa tidak hanya diukur melalui kemudahan fizikal semata-mata, tetapi mesti dilihat pada keupayaannya mengangkat daya hidup rakyat, daya tahan komuniti, serta membuka ruang kepada masyarakat melangkah ke hadapan dengan bermaruah dan sejahtera.

13. Atas landasan itulah, setiap perancangan dan pelaksanaan kerajaan sentiasa berpaksikan keperluan rakyat, agar tiada warga desa tercicir daripada arus kemajuan. Kerajaan akan memperhebat usaha merapatkan jurang pembangunan, selaras dengan tekad KKDW membangun desa sebagai wilayah yang produktif, berdaya huni dan mempunyai potensi besar

dalam menyumbang kepada kemakmuran negara secara menyeluruh.

PERANAN RISDA MENERAJUI KOMUNITI PEKEBUN KECIL GETAH SARAWAK

Hadirin sekalian,

14. Hari ini, saya dimaklumkan ada lebih **98 ribu orang** pekebun kecil getah di Sarawak yang mengusahakan **100 ribu lot** kebun getah dengan keluasan mencecah **160 ribu hektar**. Seramai **25,252 orang** merupakan pekebun kecil yang diurus secara langsung oleh RISDA merangkumi pelbagai bahagian termasuk Kuching, Serian, Kota Samarahan, Sibu, Kapit hinggalah ke Limbang.

15. Inilah mereka yang saya istilahkan sebagai **'wira tidak didendang'** yang saban hari turun seawal pagi untuk menoreh, sambil berusaha memastikan kelangsungan hidup keluarga terus terpelihara melalui hasil yang diperoleh dengan penuh kecekalan dan kesungguhan.

16. Justeru, sebagai Menteri bertanggungjawab, dengan dibantu Timbalan saya yang merupakan anak jati negeri ini, menjadi tanggungjawab kami memastikan segala

usaha komuniti desa dan pekebun kecil getah terus mendapat pembelaan serta sokongan terbaik daripada Kerajaan.

17. Sehubungan itu, sebanyak **RM29.25 juta** telah disalurkan KKDW kepada RISDA Negeri Sarawak pada tahun ini dalam meneruskan agenda membangunkankan komuniti desa, khususnya warga pekebun kecil getah di negeri ini.

18. Sedar atau tidak, peruntukan ini memperlihat kesungguhan Kerajaan MADANI yang tidak berbelah bahagi membina kekuatan ekonomi di peringkat akar umbi, sekali gus memastikan setiap pekebun kecil menikmati kemakmuran secara saksama. Dalam hal ini, KKDW dan RISDA akan terus memberi fokus penuh terhadap pembangunan menyeluruh demi kesejahteraan rakyat desa.

19. Sejujurnya, saya mahu golongan pekebun kecil tidak hanya tertumpu kepada aktiviti menoreh getah semata-mata, tetapi turut berkembang sebagai usahawan yang berupaya menambah nilai kepada hasil yang mereka usahakan.

PENGUMUMAN KHAS: KENAIKAN KADAR BANTUAN TANAM SEMULA GETAH

Hadirin sekalian,

20. Pada hari ini, saya ingin membawakan satu perkhabaran yang amat penting kepada seluruh komuniti pekebun kecil getah, khususnya di negeri Sarawak.

21. Kita sedia maklum bahawa sektor getah bukan sekadar sumber pendapatan, tetapi warisan kehidupan masyarakat desa yang sekian lama menjadi sandaran rezeki keluarga.

22. Namun begitu, realiti hari ini menunjukkan pekebun kecil berdepan dengan cabaran yang semakin besar, termasuk peningkatan kos pembangunan kebun, penyelenggaraan ladang, serta semakin berkurangnya minat generasi baharu untuk menceburi sektor ini.

23. **Atas kesedaran itu, kerajaan mengambil pendekatan lebih realistik dan bertanggungjawab. Justeru, saya ingin mengumumkan terlebih dahulu kepada rakyat Negeri Sarawak bahawa Kerajaan MADANI telah bersetuju menaikkan kadar Bantuan Tanam Semula Getah baharu kepada RM23,000 bagi setiap hektar.**

24. Kenaikan ini akan menyaksikan **pertambahan kadar sebanyak RM8,915 sehektar** atau **55 peratus**

berbanding kadar sebelumnya dan akan dibayar melalui **lima fasa ansuran** yang meliputi bantuan penyediaan kebun, benih, baja dan input pertanian lain.

25. Pengumuman ini jelas menjadi bukti yang kerajaan selama ini sentiasa cakna, mendengar suara rakyat, memahami cabaran sebenar di lapangan, dan komited untuk terus memperkasa sektor pekebun kecil getah di negeri ini.

26. Pada masa yang sama, saya ingin memaklumkan bahawa **kadar Bantuan Tanam Semula Getah bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah akan turut diumumkan dalam sedikit masa lagi**, bagi memastikan seluruh pekebun kecil dan bakal pekebun kecil di seluruh negara mendapat peluang saksama, adil dan seimbang.

27. Saya mahu pengumuman ini dilihat bukan sekadar sebagai kenaikan kadar bantuan sahaja, tetapi sebagai suntikan keyakinan kepada pekebun kecil dan isyarat jelas sektor getah mempunyai masa depan cerah untuk terus diusahakan. Inilah ikhtiar dan iltizam kerajaan agar kemakmuran komuniti pekebun kecil diterjemah melalui tindakan yang nyata.

28. Dan suka saya ingatkan, bantuan ini bukanlah hanya untuk memastikan keberjayaan penanaman getah

sahaja. Pastikan manfaat yang disediakan mampu membangunkan negara melalui hasil titisan getah yang lebih bermaruah.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

29. Insya-Allah, dengan kekuatan semangat perpaduan, kebersamaan serta nilai ihsan warga desa yang sentiasa mendukung Aspirasi Desa MADANI, saya yakin kita akan terus melangkah dengan lebih teguh untuk memperkasa desa dan membina masa depan sejahtera.

30. Kita tidak mahu lagi hanya bergantung pada bantuan bersifat sementara, sebaliknya kita beralih kepada usaha membuka peluang berkekalan; bukan sekadar menyalur bantuan, malah membangunkan keupayaan insan; dan bukan hanya membina kebun, malah membentuk ekosistem ekonomi desa yang lestari dan berdaya tahan demi kesejahteraan generasi masa hadapan.

31. Semoga segala usaha murni ini menjadi bukti bahawa kerajaan sentiasa dekat di hati rakyat, dan rakyat pula sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap dasar dan ikhtiar. Marilah kita berganding bahu, menyatukan tekad dan memperkukuh usaha dalam membina wargas

Sarawak yang lebih makmur, desa lebih sejahtera, dan rakyat yang terus melakar kejayaan.

32. Maka, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan penuh sukacita merasmikan **Majlis Santunan Kasih Ramadan dan Program Kemakmuran Pekebun Kecil RISDA Negeri Sarawak 2026**.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.